


**Jilid I  
Bil. 18**



**Hari Jumaat  
29hb November, 1974**

**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KEEMPAT**  
*Fourth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
**[Ruangan 1609]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1975 [Ruangan 1626]**

**USUL-USUL:**

**Anggaran Pembangunan, 1975 [Ruangan 1626]**

**Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 1659]**

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

*Penyata Rasmi Parlimen*

### PENGGAL YANG PERTAMA

---

Hari Jumaat, 29hb November, 1974

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**YANG HADIR:**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).
- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Sri Gading).
- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI (Kuala Langat).
- „ Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD, J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, Tan Sri Syed Nasir bin Ismail, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP (Padang Rengas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).

- Yang Berhormat TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED (Arau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Selayang).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ DATUK ALBERT MAH, K.M.N., D.M.P.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TAN SRI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Ulu Trengganu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).

Yang Berhormat PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).

- „ TUAN OO GIN SUN (Alor Setar).  
 „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG (Tawau).  
 „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).  
 „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).  
 „ TUAN RACHA UMONG (Limbang-Lawas).  
 „ TENGKU RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).  
 „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).  
 „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).  
 „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).  
 „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).  
 „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Gerik).  
 „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).  
 „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).  
 „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).  
 „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).  
 „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Parit Buntar).  
 „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).  
 „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).  
 „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).  
 „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).  
 „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).  
 „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, P.J.K. (Sungai Petani).  
 „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).  
 „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

- Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).  
 „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabohan Kelang).  
 „ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).  
 „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).  
 „ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N. (Tenggaroh).  
 „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).  
 „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).  
 „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA (Larut).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Ulu Padas).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG (Labuk Sugut).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI (Ayer Hitam).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM AH YING *alias* LIM KIAM HOON (Padang Serai).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN MADINA BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN (Sepang).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG (Miri-Subis).

YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI ABDUL HAMID, A.S.D.K., A.M.N. (Dilantik).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

### JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

#### LADA SULAH—RANCANGAN BANTUAN

1. **Tuan Patrik Anek Uren** minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan samada beliau sedar akan masalah-masalah yang dihadapi oleh penanam-penanam lada sulah akibat melambungannya harga baja dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menghindarkan kemungkinan ranapnya perusahaan muda ini.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim):** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar tentang kesusahan yang dialami oleh penanam-penanam lada sulah dan juga Jabatan Pertanian Negeri Sarawak disebabkan oleh kenaikan harga baja dan juga sebab-sebab yang lain yang tidak kurang pentingnya.

Kenaikan harga dan kesusahan untuk mendapatkan baja dan juga racun serangga itu berpunca dari krisis minyak yang menyebabkan kesukaran bekalan bahan mentah untuk pengeluaran baja, racun serangga dan lain-lain kimia pertanian yang berasaskan kepada pengeluaran petrolium.

Walau bagaimanapun Jabatan Pertanian Sarawak telah memanggil sebutharga bagi membeli bahan-bahan berkenaan. Kebenaran telah diberi kepada Jabatan Pertanian Negeri Sarawak untuk membuat belian baja dan racun serangga yang ada di Sarawak mengikut harga pasaran dengan tidak payah menurut sistem tender.

#### Rumah Pangsa Harga Murah

2. **Tuan Farn Seong Than** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan samada beliau sedar tentang kekurangan yang amat hebatnya mengenai rumah pangsa yang murah harganya di Kuala Lumpur untuk mengatasi keperluan setingan dan golongan yang berpendapatan rendah dan jika ya samada beliau akan mendesak Dewan Bandaraya melancarkan satu rancangan kilat bagi membina lebih banyak rumah-rumah pangsa harga murah dengan kadar yang segera untuk menemui keperluan-golongan yang berpendapatan rendah.

Kerajaan juga telah mengambil langkah-langkah positif bukan sahaja untuk menjamin perusahaan lada sulah tidak merosot malah juga untuk memaju dan mengembangkan perusahaan dan memelihara kepentingan petani-petani. Di bawah Rancangan Malaysia Kedua sebanyak \$11,179,724 telah diuntukkan kepada rancangan bantuan tanaman lada sulah untuk maksud-maksud ini. Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar telah mengeluarkan sebanyak \$1,711,381 dalam tahun 1971 hingga 1973, \$3,468,343 dianggarkan bagi tahun 1974 dan Kementerian ini berharap menambah peruntukan pada \$6 juta bagi tahun 1975. Pihak FAMA pula sedang berusaha untuk mendirikan dua pusat menggrade dan memproses lada sulah di Sarawak iaitu di Kuching yang berharga \$2.8 juta dan di Sarikei berharga \$2.3 juta. Dengan siapnya pusat-pusat ini pada penghujung tahun hadapan untuk memastikan dua pusat menggrade dan memproses lada sulah di Sarawak Kerajaan berharap dapat memberi bantuan yang lebih berkesan pada perusahaan lada sulah di Sarawak.

**Tuan Patrik Anek Uren:** Soalan tambahan. Dalam perkara ini juga adakah Kerajaan bertindak untuk mencegah kenaikan harga baja?

**Tuan Mokhtar bin Haji Hashim:** Langkah-langkah tentang kawalan pembekalan baja dan seterusnya untuk menentukan bahawa baja itu sampai kepada petani-petani sedang disusun oleh Kementerian Pertanian Sarawak.

**Tuan Edwin Anek Tanekun:** Adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan banyak lagi kilang-kilang baja lada sulah Negeri Sarawak? Oleh kerana masih banyak lagi baja-baja lada sulah itu datang dari luar negeri, dan jika Kerajaan Malaysia dapat membina banyak lagi kilang-kilang tentulah harga baja itu tidak melambung naik harganya.

**Tuan Mokhtar bin Haji Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

**Setiausaha, Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif):** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar tentang kekurangan perumahan awam (rumah pangsa yang berharga murah) di Kuala Lumpur untuk mengatasi keperluan setinggian dan golongan yang berpendapatan rendah. Walau bagaimanapun, di bawah Rancangan Malaysia Kedua, projek-projek perumahan awam yang telah diluluskan adalah seperti berikut :

Nama Sekim	Jenis	Yunit	Harga
1. Jalan Sentul ... ..	Rumah Pangsa 4 blok— 17 tingkat	1,024	\$ 7,850,000
2. Jalan Loke Yew Peringkat IV	Rumah Pangsa 1 blok— 20 tingkat	400	2,100,000
3. (a) Jalan Bungsar Peringkat II	Rumah Pangsa 4 blok— 5 tingkat	160	} 7,800,000
(b) Jalan Bungsar Peringkat III	Rumah Pangsa 3 blok— 17 tingkat	804	
4. (a) Jalan Cheras Peringkat IIA	Rumah Pangsa 4 blok— 4 tingkat	320	} 13,036,000
(b) Jalan Cheras Peringkat IIB	Rumah Pangsa 4 blok— 4 tingkat	320	
(c) Jalan Cheras Peringkat III	Rumah Pangsa 12 blok— 4 tingkat	960	
5. (a) Jalan San Peng Peringkat I	Rumah Pangsa 3 blok— 17 tingkat	808	} 17,000,000
(b) Jalan San Peng Peringkat II	Rumah Pangsa 4 blok— 17 tingkat	1,088	
<b>JUMLAH ...</b>		<b>5,884</b>	<b>\$47,786,000</b>

Daripada tahun 1971-1973 Dewan Bandaraya telah menyiapkan 2,008 yunit rumah pangsa di Kuala Lumpur seperti berikut :

Nama Sekim	Jenis	Yunit	Harga
1. Jalan Loke Yew Peringkat IV ...	Rumah Pangsa 1 blok— 20 tingkat	400	—
2. Jalan Bungsar Peringkat II ...	Rumah Pangsa 4 blok— 5 tingkat	160	—
3. (a) Jalan Cheras Peringkat IIA	Rumah Pangsa 4 blok— 4 tingkat	320	—
(b) Jalan Cheras Peringkat IIB	Rumah Pangsa 4 blok— 4 tingkat	320	—
4. Jalan San Peng Peringkat I ...	Rumah Pangsa 3 blok— 17 tingkat	808	—
<b>JUMLAH YUNIT ...</b>		<b>2,008</b>	<b>—</b>

Berhubung dengan projek di Jalan Sentul, Dewan Bandaraya telahpun berjaya mendapatkan sekeping tanah dan pembinaan projek ini akan dimulakan pada awal tahun 1975.

Mengenai cadangan untuk mendesak Dewan Bandaraya melancarkan satu rancangan kilat (crash programme) bagi membina lebih banyak rumah-rumah pangsa berharga murah, saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa di bawah Rancangan Malaysia Yang Ketiga, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah diminta supaya mengemukakan permohonan untuk wang pinjaman Persekutuan kepada Kementerian saya bagi melaksanakan lebih banyak lagi rancangan-rancangan perumahan awam. Oleh itu, saya percaya bahawa dalam tempoh Rancangan Malaysia Yang Ketiga lebih banyak lagi projek-projek rumah pangsa berharga murah akan dibina oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bagi menemui keperluan-keperluan golongan rakyat yang berpendapatan rendah.

## SYARIKAT-SYARIKAT INSURAN

**3. Tuan Farn Seong Than** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada beliau sedar bahawa 90% Syarikat-syarikat Insuran tidak sanggup mengambil tanggungan terhadap teksi-teksi dengan premium biasa dan yang sanggup mengambil tanggungan memberi premium yang terlalu mahal dengan demikian mendatangkan suatu beban ke atas pemilik-pemilik teksi. Jika ya, adakah beliau akan mengadakan suatu penyiasatan dalam perkara ini supaya tindakan-tindakan boleh diambil untuk mengadakan suatu pertimbangan di antara kepentingan Syarikat-syarikat Insuran dan pemilik-pemilik teksi.

**Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong):** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa 90% syarikat-syarikat Insuran tidak sanggup mengambil tanggungan terhadap teksi-teksi dengan premium biasa. Saya sedar di atas keengganan beberapa buah syarikat insuran menerima insuran teksi daripada pemandu yang kurang cermat kelakuannya dan telah mengakibatkan tuntutan yang banyak. Walau bagaimanapun, hal ini adalah terkena kepada semua kenderaan bermotor bukan hanya teksi sahaja. Selama ini daripada semua kelas kenderaan bermotor yang diinsurankan mengikut perlindungan Akta teksilah yang mempunyai rekod tuntutan paling tinggi. Perlindungan Akta ialah insuran termesti bagi melindungi risiko pihak ketiga di bawah Ordinan Lalu Lintas Jalan, 1958. Saya difahamkan bahawa dalam tahun 1973 syarikat-syarikat insuran memperolehi premium teksi berjumlah sebanyak \$1,890,000 berbanding dengan tuntutan sebanyak \$2,420,000 yang mana ini memberi kadar tuntutan 128% tanpa memberi potongan dalai dan bayaran-bayaran pengurusan yang berjumlah lebih kurang \$600,000. Jika jumlah bayaran-bayaran keluar diambil kira syarikat-syarikat insuran mengeluarkan perbelanjaan berjumlah lebih kurang \$3,020,000 berbanding dengan penerimaan sebanyak \$1,890,000 oleh itu rugi sebanyak \$1,130,000, iaitu membayar \$1.60 bagi tiap-tiap \$1.00 daripada pendapatan premium yang diperolehi.

Kerugian ini adalah satu beban yang berat kepada syarikat-syarikat insuran. Walaupun begitu, syarikat-syarikat insuran bersedia menginsurankan teksi di bawah "perlindungan

Akta" tingkat bayaran premium mengikut pengalaman teksi-teksi dan pemandu-pemandu yang berkenaan.

Perkara ini telah disiasat, dan saya bersedia supaya aduan tertentu terhadap syarikat insuran disiasat di masa yang akan datang, tetapi sebaliknya pula, pemandu-pemandu teksi yang berkenaan mestilah juga sedaya-upaya cuba memperbaiki rekod pemandunya dengan menyenggara kenderaan-kenderaan mereka demi untuk kepentingan orang ramai memandangkan kerugian besar yang sentiasa dialami sejak tujuh tahun yang lalu oleh syarikat insuran dalam insuran motor. Adalah perlu juga bahawa syarikat insuran sepatutnya menerima premium seimbang dengan risiko yang mereka tanggung, kerana mengelakkan akibat jangka panjang tentang berlakunya tak mampu membayar piutang di kalangan syarikat-syarikat insuran.

## GURU-GURU SEMENTARA—LATIHAN

**4. Tuan Farn Seong Than** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah guru-guru sementara yang tidak terlatih dalam negara ini dan samada apa-apa rancangan untuk melatih guru-guru ini dengan tujuan menawarkan mereka jawatan tetap.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua, bilangan guru sementara ialah dalam lingkungan 12,000 orang. Daripada bilangan tersebut lebih kurang 8,750 adalah guru-guru sementara yang tidak terlatih.

Mengenai rancangan Kementerian Pelajaran terhadap guru-guru sementara ini, Yang Berhormat Menteri Pelajaran telahpun menerangkan di Dewan ini apabila beliau menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah di dalam persidangan yang sedang berjalan sekarang iaitu pada 18hb November, 1974.

**Tuan Chian Heng Kai:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran memberi satu jaminan bahawa guru-guru sementara akan terus dapat mengajar di sekolah-sekolah sehingga mereka mendapat latihan, dan jika tidak boleh, mengapa?

**Tuan Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran seperti saya sebutkan tadi.

**Dr Tan Chee Khoo:** Oleh sebab ada begitu ramai guru-guru sementara yang tidak terlatih iaitu lebih kurang 12,000 orang, bolehkah Kementerian Pelajaran menerima guru-guru yang terlatih yang telah berhenti atau telah tamat parkhidmatan tetapi sekarang ingin bekerja semula dengan Kementerian Pelajaran.

**Tuan Chan Siang Sun:** Itu soalan lain.

**Tuan Patrick Anek Uren:** (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I would like to ask the Deputy Minister concerned whether he is aware that the employment of temporary teachers who often resign from their jobs when there are other alternative good offers, results in a break in the teaching given to the students. In this way, the students suffer. Why not give temporary employment with a view to permanent placing?

**Tuan Yang di-Pertua:** It is irrelevant to the original question.

#### PERKESO—PAMPASAN

**5. Tuan Farn Seong Than** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (a) jumlah wang pampasan yang telah dibayar oleh PERKESO (SOCISO) sejak penubuhannya dalam tahun 1971; dan
- (b) bayaran yang paling tinggi dan yang paling rendah yang telah dibayar kepada sesuatu tuntutan.

**Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad):** Tuan Yang di-Pertua, Pertubuhan Keselamatan Sosial tidak membayar pampasan (compensation) kepada pekerja-pekerja. Seperti yang terdapat dalam Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969, undang-undang ini berlainan daripada Undang-undang Pampasan Pekerja, 1972 atau Workmen Compensation Ordinance, 1972. Akta Keselamatan Sosial Pekerja ini ianya mengadakan peruntukan mengenai faedah (benefits) tertentu bagi pekerja-pekerja sekiranya ia ilat (invalidity) dan mendapat bencana kerja (employment injury) termasuk penyakit-penyakit khidmat atau (occupational diseases). Semenjak didirikan dalam tahun 1971 sehingga bulan September, 1974 Pertubuhan ini telah membayar \$1,918,701.07 sebagai faedah-faedah kepada pekerja-pekerja.

Kedua-dua Sekim Keselamatan Sosial yang ditadbirkan oleh PERKESO membekalkan 6 jenis faedah tunai seperti berikut:

- (i) Faedah Hilangupaya Sementara Waktu;
- (ii) Faedah Hilangupaya Kekal dan Hilangupaya/Sebahagian Angguta;
- (iii) Faedah Tanggungan;
- (iv) Elaun Penjaga Pesakit;
- (v) Bantuan untuk Pengkebumian;
- (vi) Pencen Ilat atau Pemberian.

Melainkan bantuan untuk pengkebumian yang ditetapkan sebanyak \$100, lain-lain jenis faedah bergantung semata-mata di atas tempoh hilangupaya, peratus kehilanganupaya mencari nafkah dan peringkat pendapatan pekerja yang berkenaan. Faedah Hilangupaya Kekal dan Hilangupaya Sebahagian Angguta, Faedah Tanggungan, dan Elaun Penjaga Pesakit adalah dalam bentuk pencen yang dibayar tiap-tiap bulan seumur hidup pekerja itu atau tanggungan-tanggungannya. Kadar yang maksima ialah 60% dari gaji hitungan panjang pekerja itu di bawah Sekim Insuran Bencana Pekerjaan (Employment Injury Insurance) dan 65% di bawah Sekim Pencen Ilat (Invalidity Pension Scheme).

Mengenai faedah hilangupaya sementara waktu pula, pekerja mendapat 60% dari gaji hariannya dihitung panjang bagi tiap-tiap hari ianya tidak berupaya. Elaun penjaga pesakit pula dibayar kadar sebanyak 30% daripada faedah hilangupaya kekal. Selain dengan daripada itu tiap-tiap seorang pekerja berinsuran adalah berhak mendapat dengan percuma rawatan perubatan tanpa had terhadap bencana kerja dan penyakit-penyakit khidmat yang menimpanya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana bayaran masih dibuat dan akan terus dibuat, soal kadar bayaran yang paling tinggi dan kadar yang paling rendah yang dibayar kepada sesuatu tuntutan sebenarnya tidak boleh memberi gambaran yang betul dan mungkin boleh mengelirukan. Oleh itu, tidak diterangkan.

#### WAD-WAD TANPA KELAS DI HOSPITAL-HOSPITAL

**6. Tuan Oh Keng Seng** minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau ada cadangan untuk melaksanakan wad-wad tanpa kelas dalam Hospital-hospital Besar.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew):** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini jumlah bilangan katil yang didapati di dalam

Hospital-hospital Besar dan Hospital-hospital Daerah Kerajaan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak berjumlah 22,270 buah katil. Pembahagian katil-katil ini terbahagi kepada beberapa kelas itu adalah seperti berikut:

- Kelas III lebih daripada 85%
- Kelas II kurang daripada 11%;
- Kelas I adalah 4%.

Peruntukan katil bagi Kelas I dan II adalah perlu disebabkan oleh permintaan dari orang ramai. Saya telah menerima banyak lagi permintaan-permintaan daripada orang ramai untuk menambahkan lagi katil-katil yang seumpama itu. Berikutan dengannya saya telah membuat rayuan kepada sektor swasta untuk mengembangkan lagi hospital-hospital persendirian dan yayasan-yayasan perubatan untuk menampung permintaan-permintaan ini.

Suka saya menyatakan di Dewan ini bahawa mereka telah memberi sambutan yang baik terhadap rayuan saya itu. Tujuan utama Kerajaan ialah terus untuk mengadakan kemudahan-kemudahan hospital bagi mereka yang tidak mampu membayar. Oleh yang demikian, Kerajaan akan terus mengembangkan kemudahan-kemudahan kepada pesakit-pesakit yang tidak membayar. Walau bagaimanapun, selagi sektor swasta tidak dapat mengadakan yang cukup kepada mereka yang mampu dan sanggup membayar bagi kemudahan-kemudahan tersebut Kerajaan akan juga terpaksa terus mengadakannya untuk menampung permintaan-permintaan ini.

**Tuan Oh Keng Seng:** Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa rancangan wad-wad tanpa kelas ialah satu rancangan yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri. Bolehkah Menteri memberitahu apakah sebab-sebab rancangan ini tidak boleh dilaksanakan?

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di-Pertua, sebab-sebabnya telah saya jelaskan bahawa katil-katil yang disebutkan oleh saya ialah Kelas III lebih daripada 85% disediakan di hospital-hospital dan adalah orang mampu membayar kerana mereka hendak duduk Kelas I oleh kerana bayaran Kelas I di Hospital Besar atau Hospital-hospital Daerah yang mempunyai wad Kelas I pembayarannya ialah \$30 hingga \$35 sehari.

Kelas II ialah \$7.50 hingga \$10 sehari. Akan tetapi di Kelas III bayarannya cuma \$1 sehari. Antaranya 85% mereka yang memasuki Kelas

III itu tidak mampu membayar \$1, maka dengan itu bayaran tersebut dikecualikan. Boleh dikatakan mereka yang tidak mampu itu khasnya Kerajaan kita akan memberikan seberapa bantuan yang boleh untuk memberikan rawatan dan sebagainya. Dengan sebab itu, haruslah kita mengadakan polisi dengan berikutan social system yang diadakan di negara kita ini.

**Dr Tan Chee Khoo:** Soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri yang berkenaan telah menjelaskan bahawa pesakit-pesakit Kelas III seramai 85% mereka kalau ada kemampuan disuruh bayar \$1.00 sehari dan ada pesakit-pesakit yang mampu boleh pergi ke Kelas II dan Kelas I. Oleh sebab kebanyakan pesakit-pesakit pergi ke Kelas III bolehkah Menteri yang berkenaan membatalkan pembayaran untuk Kelas III tetapi menaikkan bayaran untuk Kelas II dan khasnya Kelas I oleh sebab mereka ada kemampuan untuk membayar apa-apa yang dikehendaki oleh Kerajaan.

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah saya jawab tadi ialah 85% pesakit-pesakit memasuki Kelas III itu tidak membayar apa-apa langsung oleh kerana mereka itu tidak mampu membayar walaupun \$1.00, cuma 15% sahaja mereka yang mampu membayar \$1.00 sehari. Jadi bermakna saya rasa dasar ini adalah sesuai dengan social system di negara kita sekarang.

**Tuan Oh Keng Seng:** Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa makanan-makanan dan perkhidmatan kepada Kelas III tidak ada memuaskan? Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi sedikit jawapan untuk mengatasi masalah-masalah dalam Hospital Besar di negara kita?

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini tak bersangkutan mengenai soal makanan dengan soalan asal.

**Tuan Oh Keng Seng:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan tak bersangkutan, saya kata tadi.

**Tuan Oh Keng Seng:** Ini ada bersangkutan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau ada bersangkutan, baca dahulu soalan itu.

**Tuan Oh Keng Seng:** Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa pakar-pakar hospital tidak ada melawat dalam wad Kelas III?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak bersangkut!

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di-Pertua, apa juga soalan Ahli Yang Berhormat itu bertanya, saya juga boleh memberikan jawapannya.

Di sini berkenaan dengan pakar-pakar tidak melawat wad Kelas Ketiga itu adalah tidak benar langsung. Pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan pakar-pakar perubatan ataupun pakar-pakar disiplin yang lain adalah diberikan kepada pesakit-pesakit Kelas III, Kelas I atau Kelas II.

Berkenaan dengan makanan yang memuaskan hati di Wad Kelas III di hospital, saya sedar, akan tetapi berkaitan dengan quality dan quantity bahan makanan adalah mencukupi. Cuma satu kelemahan sahaja iaitu berkenaan dengan tukang-tukang masak pada masa yang lalu tidaklah mendapat latihan oleh kerana Atenden Hospital telah dipanggil bekerja sebagai Ahli Tukang Masak. Tetapi masa sekarang ini, Kementerian Kesihatan ada satu skim untuk memberi latihan kepada tukang-tukang masak untuk memasak makanan yang lebih sesuai dan lebih memuaskan dan rancangan ini sedang dilaksanakan.

**Datuk Engku Muhsein bin Abdul Kadir:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Yang Berhormat Menteri telah memberi layanan kepada soalan yang tidak bersangkut, maka beliau itu telah memberi penjelasan berkenaan dengan cara-cara perkhidmatan makanan.

Kenapakah perkhidmatan memberi makanan kepada pesakit-pesakit ini diberi kadang-kadang pada ketika yang tidak sesuai? Misalnya, kalau tengahari biasanya orang makan jam 1.00 tetapi diberi makanan itu pada jam 11.30 pagi dan di waktu malam pula biasanya orang makan pukul 7.00 atau 8.00 diberi makanan jam 5.00 atau 5.30 petang. Ini menyebabkan pesakit-pesakit itu tidak menerima makanan-makanan yang disimpan dan sementara menunggu masanya makanan itu sudah sejuk dan tidak sesuai lagi. Bolehkah diubah cara ini?

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan hospital di seluruh tanahair kita ini adalah bertambah mutunya yang lebih berkesan dari satu masa ke satu masa. Akan tetapi, saya tidak menafikan kita ada kelemahan sini dan sana. Masaalahnya ialah kadang-kala bilangan pesakit-pesakit di hospital itu banyak atau terlalu ramai. Dengan itu memberikan makanan kepada seseorang pesakit terpaksa mengambil masa yang lebih sedikit. Akan tetapi jikalau bilangan pesakit-pesakit di hospital itu kurang sedikit, maka pekerja-pekerja yang berkenaan itu boleh memberikan makanan dengan masa lebih awal. Ini memang benar.

**Tuan Chian Heng Kai:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak boleh lagi! Saya telah menghukum atau memutuskan bahawa satu-satu soalan itu tidak bersangkut, ialah kerana menurut Peraturan-peraturan Mesyuarat bahawa ianya tidak boleh digunakan masa soal-jawab menjadi satu helah berbahas.

## BEKALAN LETRIK DI LUAR BANDAR

**7. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan menyatakan:

- (a) sebab-sebab kelambatan menyiapkan projek bekalan letrik di kawasan Luar Bandar;
- (b) samada kekurangan barang-barang yang sebahagiannya daripada seberang laut menjadi satu daripada sebab-sebab kelambatan itu;
- (c) berapa banyak projek L.L.N. anjuran Kerajaan Pusat yang telah dilaksanakan di tiap-tiap negeri dalam tempoh 6 bulan yang kedua tahun 1973 dan 6 bulan pertama tahun 1974;
- (d) dari jumlah di atas berapa banyak pula projek yang telah siap; dan
- (e) apakah tindakan Kerajaan bagi mengelakkan kelambatan menyiapkan projek bekalan letrik di kawasan-kawasan luar bandar.

**Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob):** Tuan Yang di-Pertua,

(a) ada beberapa perkara yang tertentu yang menyebabkan kelambatan menyiapkan

projek bekalan letrik di kawasan luar bandar seperti berikut:

1. *Kekurangan Barang-barang Pembinaan*
  - (i) tiang-tiang kayu masih belum dapat dibekalkan dengan sepenuhnya oleh pembekal-pembekal tempatan. Tiang-tiang konkerit sukar diperolehi kerana kekurangan barang-barang besi yang perlu untuk membuatnya.
  - (ii) Wayar aluminium masih tidak diperolehi dengan sepenuhnya daripada pembekal tempatan yang telah dipesan.
  - (iii) Suisgear 11kV dan alatubah-alatubah yang dipesan dari seberang laut terlewat sampainya sehingga 6 bulan atau lebih oleh sebab kekurangan barang-barang di seluruh dunia.
2. Sukar mendapat kebenaran izinlalu dan menebang pokok.
3. Sukar mendapat tapak tanah untuk mendirikan pencawang stesyen suis atau stesyen janaletrik luar bandar.
4. Bilangan projek-projek yang diluluskan daripada setahun ke setahun telah bertambah dan ini juga menyebabkan kekurangan barang-barang pembinaan.

(b) Kekurangan barang-barang yang sebahagiannya daripada seberang laut, adalah menjadi satu daripada sebab-sebab kelambatan itu.

(c)

Negeri	Bil. projek yang telah dilaksanakan dalam tempoh 6 bulan yang kedua, 1973	Bil. projek yang telah dilaksanakan dalam tempoh 6 bulan yang pertama, 1974
Johor ...	18	19
Kedah ...	6	11
Kelantan ...	—	8
Melaka ...	5	6
Negeri Sembilan	7	12
Pahang ...	11	13
Perak ...	7	12
Perlis ...	2	3
Pulau Pinang	7	7
Selangor ...	3	5
Trengganu ...	4	12
Jumlah ...	70	107

(d) Dari jumlah di atas rancangan Kerajaan Persekutuan yang telah siap pada 30hb Disember, 1973, ialah 15, dan yang telah siap pada 30hb Jun, 1974 ialah 35.

(e) Dari segi pembekalan barang-barang pembinaan, Kerajaan telah menggalakkan pengeluaran dari kilang-kilang tempatan. Semua tiang kayu dan dawai aluminium sekarang dibekalkan oleh pembekal tempatan.

Pihak Kerajaan juga membantu pihak L.L.N. menguruskan untuk mendapat kebenaran izinlalu dan memotong pokok-pokok yang terlibat dan juga menguruskan melalui Pemungut-pemungut Hasil Tanah dari tiap-tiap Daerah untuk mendapatkan tapak tanah bagi kegunaan Lembaga Letrik Negara.

#### **Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman:**

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam jawapan kepada soalan (b), Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menyatakan bahawa kesulitan menebang pokok-pokok adalah menjadi satu sebab kelambatan itu. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar bahawa di setengah-setengah atau di beberapa tempat pihak L.L.N. telah meminta orang-orang kampung menebang pokok-pokok di tepi jalan yang akan dilalui oleh wayar-wayar letrik itu secara gotong-royong dan setelah pokok-pokok itu ditebang dengan cara gotong-royong sehingga beberapa bulan kemudian masih lagi belum dipasang wayar letriknya dan sehingga pokok-pokok hutan di situ tumbuh balik semula.

#### **Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:**

Tuan Yang di-Pertua, itu saya tidak sedar, tetapi apa yang saya sedar bahawa sungguhpun ada di tepi-tepi jalan orang sudah bergotong-royong menebang pokok-pokok, tetapi ada dalam kawsaan itu juga jalan-jalan kecil yang tuannya tidak mengizinkan menebang pokok. Maka itu boleh mengendalakan projek itu, kerana satu-satu konterek itu diberinya satu bahagian atau satu kawasan. Konterekor itu, kalau dia pergi buat dua tiga kali, maka sudah tentu dia tidak mahu membuatnya. Maka dengan sebab itu kadang-kadang pada jalan itu nampak semua sudah ditebang tetapi ada jalan-jalan yang lain atau lorong-lorong yang lain di mana pokok-pokoknya belum dapat ditebang. Jadi dengan sebab itu, setengah-setengah tempat nampaknya sudah ditebang, tetapi belum lagi dapat dipasang wayarnya.

**Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah pihak Kementerian itu sedar bahawasanya dengan adanya kelambatan untuk memasang alat-alat Lembaga Letrik Negara ini adalah datangnya daripada pihak Kerajaan Pusat kerana langkah memberikan peruntukannya. Sebab, apa yang saya tahu sekiranya satu projek ini diluluskan, maka wang itu adalah terbahagi kepada tiga untuk diluluskan dan bagi pihak Kerajaan Negeri, Lembaga Letrik Negara dan Kerajaan Pusat, tetapi apa yang telah saya tahu bahawasanya kewangan daripada Kerajaan Pusat yang melengahkan, maka kelewatan pihak Lembaga Letrik Negara untuk masuk di dalam kawasan-kawasan luar bandar itu telah tergendala?

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar tetapi apa yang saya tahu satu rancangan Bekalan Letrik Luar bandar ini memang telah dipersetujui pada awal tahun oleh Jawatankuasa Tindakan Negeri. Apabila Jawatankuasa Tindakan Negeri telah meluluskan, maka Kerajaan Pusat dan Lembaga Letrik Negara akan menyediakan bahagian masing-masing, iaitu 1/3 dan juga Lembaga Letrik Negara 1/3 untuk menampung 1/3 yang diberikan oleh sesebuah Kerajaan Negeri.

## **SIMEN-BESIWAJA KURANG DI SABAH**

**8. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah** ruinta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa Sabah sangat berkurangan bahan-bahan binaan seperti simen dan besiwaja; jika ya, nyatakan langkah untuk mengatasi kekurangan ini supaya pembangunan di negeri tersebut tidak terjejas; dan
- (b) samada Kerajaan akan mengawal harga jualan simen dan besiwaja di Sabah, dan nyatakan rancangan Kerajaan untuk mengawasi harga bahan-bahan ini tidak melambung tinggi.

**Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Mustapha bin Ali):** Tuan Yang di-Pertua,

(a) Kementerian ini sedar bahawa bekalan bahan-bahan binaan seperti simen dan besiwaja adalah berkurangan di Sabah. Kekurangan ini juga dialami di Semenanjung Malaysia. Walaupun begitu, pengeluar-pengeluar

tempatn telah dapat juga membekalkan sebanyak 72.2% daripada keperluan besiwaja negeri Sabah.

Untuk mengatasi kekurangan bekalan bahan-bahan ini di Sabah, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (i) menghapus segala sekatan-sekatan dan cukai terhadap pengimpotan besiwaja yang menjadi bahan utama dalam industri pembinaan dan menurunkan cukai impot terhadap simen daripada \$12.00 satu tan kepada \$2.00 satu tan. Ini adalah bertujuan untuk menggalakkan pengimpotan kedua-dua bahan ini dari luar negeri;
- (ii) sekatan ekseptol telah dikenakan terhadap simen dan besiwaja semoga bekalan yang sedia ada dalam negeri tidak dibawa keluar;
- (iii) sebagai langkah jangka panjang, Kerajaan telah meluluskan pembinaan sebuah kilang simen di Sarawak yang akan memenuhi kehendak-kehendak simen di kedua-dua negeri Sabah dan Sarawak; dan
- (iv) suatu Jawatankuasa Bertindak telah juga ditubuhkan untuk menentukan projek-projek keutamaan Kerajaan di Semenanjung Malaysia dan juga Sabah dan Sarawak dibekalkan simen dan besiwaja dengan secukupnya.

(b) Oleh kerana sebahagian besar dari keperluan simen dan besiwaja di Sabah adalah diimpot dari luar negeri, maka ianya tertaklukkan kepada pasaran antarabangsa dan sangat sukar Kerajaan mengawal harga bahan-bahan ini.

## **KATIL-KATIL DI HOSPITAL BESAR SEREMBAN**

**9. Tuan Lee Boon Peng** bertanya kepada Menteri Kesihatan samada bilangan katil-katil sekarang di Wad Materniti dan Wad Kanak-kanak di Rumah Sakit Umum, Seremban mencukupi untuk memenohi keperluan-keperluan 129,000 penduduk-penduduk di Daerah Seremban dan jika tidak apakah tindakan Kementerian akan mengambil supaya menjamin bahawa kes-kes cemas dari kawasan-kawasan luar bandar yang terletak sekurang-kurangnya 25 batu dari Pekan Seremban tidak ditolak masuk oleh kerana kekurangan katil-katil.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Abu Bakar bin Umar):** Tuan Yang di-Pertua, Hospital Besar, Seremban mempunyai 88 buah katil untuk ibu-ibu yang bersalin dan 62 buah katil kanak-kanak. Ini menguntungkan bagi pentadbiran daerah Seremban dengan nisbah satu katil/bilangan penduduk sebanyak 0.7 katil untuk ibu-ibu bersalin bagi tiap-tiap 1,000 orang jumlah penduduk dalam daerah itu dan 1.0 katil bagi tiap-tiap 1,000 orang kanak-kanak kumpulan di bawah umur 10 tahun dalam daerah itu. Hitungan panjang kadar katil untuk ibu-ibu bersalin yang digunakan pada setiap hari ialah 84% dan bagi katil kanak-kanak ialah 80.6%. Dikira dari kadar hitungan panjang penggunaan katil dan nisbah katil-jumlah penduduk, maka bilangan katil dalam wad ibu-ibu yang bersalin dan wad kanak-kanak di Hospital Besar, Seremban adalah cukup bagi keperluan 129,000 penduduk dalam Daerah Seremban. Hospital itu tidak menolak sebarang kes kecemasan kerana disebabkan oleh kekurangan katil.

#### **SYARIKAT INSURAN MENGANSURKAN TEKSI**

**10. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada Kerajaan sedar bahawa hanya sebuah syarikat insuran yang menerima pembayaran insuran teksi. Jika ya, nyatakan apa tindakan telah dan akan diambil oleh Kerajaan terhadap perkara ini.

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar jika dikatakan bahawa hanya sebuah syarikat insuran yang mengansurangkan teksi. Sebenarnya 14 buah syarikat insuran yang aktif yang berdaftar untuk menjalankan perniagaan insuran am telah menerima insuran teksi mengikut kadar taarif perniagaan insuran menurut yang ditentukan oleh Persatuan Insuran Malaysia. Sementara 43 buah syarikat lagi bersedia mengadakan lindungan insuran untuk teksi, tetapi atas syarat-syarat mereka sendiri. Ini bermakna sebanyak 57 buah syarikat telah menerima pembayaran insuran teksi.

Jawapan saya kepada soalan yang ketiga tadi adalah juga berkaitan dengan soalan ini.

#### **HUBUNGAN MALAYSIA DENGAN KESATUAN EKONOMI EROPAH (E.E.C.)**

**11. Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman** bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian untuk menyatakan samada perhubungan rapat antara Malaysia dengan EEC hasil dari lawatan pegawai-pegawai Kesatuan tersebut ke negeri ini akan menghalang peranan Malaysia dan negara-negara dunia ketiga dalam usaha-usaha perjuangannya memperolehi keadilan dalam perdagangan antarabangsa.

**Tuan Mustapha bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, perhubungan rapat yang Malaysia dan negara-negara ASEAN telah wujud dengan EEC tidak sama sekali menghalang usaha-usaha Malaysia serta negara-negara membangun untuk memperolehi syarat-syarat yang lebih seimbang dan adil dalam perdagangan dunia. Sebaliknya, perhubungan rapat yang telah dibina melalui lawatan dan perhubungan seperti ini akan membolehkan Malaysia serta negara-negara ASEAN yang lain menyampaikan kepada EEC betapa perlunya bagi EEC mengambil peranan utama bagi mempunyai sikap yang lebih liberal dan outward-looking terhadap negara-negara membangun ataupun negara-negara dunia ketiga, pada amnya dan khasnya terhadap negara-negara dalam ASEAN.

#### **RANG UNDANG-UNDANG**

##### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1975**

###### **Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (28hb November, 1974).

**DAN**

**USUL**

##### **ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1975**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Usul

yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatan-kuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$2,406,598,777 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1975, dan bagi maksud kepala dan pecahan-pecahan kepala dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Kepala Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1975 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 22 tahun 1974, adalah diuntukkan di bawah kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan pecahan-pecahan kepala itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut." (28hb November, 1974.)

3.18 ptg.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim):** Tuan Yang di-Pertua, sebagai menyambung jawapan yang telah dimulakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semalam, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menyusun rancangan-rancangan bagi mencapai objektifnya seperti berikut:

- (a) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memberi latihan-latihan pemimpin yang asas, teknikal dan vokesyenal kepada belia-belie supaya mereka boleh mengambil bahagian cergas dan berkesan dalam bidang ekonomi dan masyarakat.
- (b) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga memberikan galakan kepada bakat-bakat kebudayaan di kalangan rakyat dengan tujuan mengujudkan satu Kebudayaan Kebangsaan.
- (c) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga berusaha untuk menggalakkan integrasi di antara golongan golongan belia di Malaysia melalui kegiatan-kegiatan, kemudahan-kemudahan bimbingan dan bantuan yang digembeling ke arah sifat-sifat ketekunan, berdisiplin dan dinamis.
- (d) Akhirnya, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga menjalankan penyiasatan serta mengadakan kemudahan-kemudahan dan latihan dalam

bidang sukan dengan tujuan untuk meningkatkan lagi mutu sukan dalam usaha untuk menyatu-padukan rakyat dan juga bagi memprojekkan imej negara ini dalam arena sukan antarabangsa.

Adalah benar bahawa jumlah peruntukan Belanjawan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi tahun 1975 agak berkurangan meskipun kegiatan-kegiatan yang terpaksa dijalankan meliputi keempat-empat aspek yang baru saya sebutkan tadi.

Kesemua Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh Kementerian ini ada menyatakan betapa kecilnya peruntukan yang ditetapkan. Namun demikian segala rancangan akan terus dijalankan mengikut dasar Kerajaan. Setiap sen yang diperolehi itu akan dibelanjakan dengan cermat. Disamping itu, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan berunding dengan Perbendaharaan bagi mendapatkan sebarang tambahan khusus bagi memenuhi keperluan dalam bidang kegiatan belia.

Ahli Yang Berhormat dari Setapak menyatakan bahawa latihan-latihan belia yang diadakan oleh Kementerian di Dusun Tua adalah seperti melepaskan batuk ditangga sahaja. Ini tidaklah benar memandangkan kesan dan hasil yang telah diperolehi. Menjelang akhir tahun 1973 melalui Pusat Latihan Belia Dusun Tua seramai 7,306 orang belia telah memperolehi pekerjaan. Mereka ini adalah terdiri dari belia-belie yang dilatih melalui Rancangan Pelupur Negara dan Belia Pembina Negara. Kira-kira 80% daripada belia-belie yang tamat latihan di Pusat-pusat Latihan Belia di bawah anjuran Kementerian ini telah beroleh pekerjaan. Fakta ini saya percaya menarik perhatian Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru yang menyatakan bahawa 85% daripada belia-belie lepasan pusat latihan belia sedang menganggur.

Ahli Yang Berhormat dari Setapak seterusnya menyatakan betapa perlunya diadakan koordinasi dan kerjasama di antara Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain supaya melahirkan hasil yang produktif dalam erti-kata menerbitkan sumber-sumber pekerjaan bagi belia-belie. Sambil mengucapkan terima kasih di atas saranan akhir Yang Berhormat itu, sayugia dinyatakan di sini iaitu Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sentiasa

mengalu-alukan sumbangan dan kerjasama dari pihak-pihak swasta atau agensi-agensi Kerajaan. Sebenarnya, dalam usaha memberi kemudahan-kemudahan kepada belia, kita telah beroleh kerjasama daripada Kerajaan-kerajaan Negeri. Cuma kita berharap lebih banyak lagi penajaan (sponsorship) diterima oleh Kementerian dari kalangan swasta agar belia-belia kita dapat ramai beroleh penempatan dan pekerjaan. Sebaik-baik penglibatan dari pihak swasta atau agensi-agensi Kerajaan ialah bagi mereka membuat penajaan (sponsorship) kepada belia-belia yang bakal menjalani kursus-kursus di Pusat-pusat Latihan Belia Kementerian ini. Dengan cara ini lebih ramai lagi pekerjaan secara langsung akan dapat dicapai.

Kementerian ini bukan sahaja melengkapkan belia dengan pelbagai bidang kemahiran tetapi juga melayakkan diri mereka mengambil daya usaha sendiri. Dalam jurusan inilah ramai di antara belia-belia dapat menjalankan perniagaan atau perusahaan sendiri dalam konteks "self-employment". Kedua-dua Pusat Latihan Belia, (Pelupur Negara dan Pembina Negara) akan diubahsuai dengan kemudahan-kemudahan bengkel baru dan alat-alatan latihan yang moden dari masa ke semasa. Menjelang pertengahan tahun ini 11,159 peserta telah beroleh latihan dalam jurusan-jurusan berikut:

- Pimpinan (Daerah dan Negeri)
- Pimpinan Asas bagi Bukan Melayu
- Pimpinan Hujung Minggu
- Khemah Kerja
- Khemah Perniagaan
- Urusan Rumah Tangga
- Jahitan
- Gunting Rambut
- Pertukangan Tangan
- Pertanian
- Senifoto.

Satu aspek patut ditegaskan ialah proses "follow-up" yang diatur oleh Kementerian iaitu setelah belia-belia itu lulus dari pusat latihan. Ini amatlah penting bagi Kementerian mendalami masaalah-masaalah yang ditempuh oleh seseorang belia itu. Sekiranya seseorang belia itu memerlukan modal dalam usahanya mendirikan perniagaan sendiri, maka Biro Bimbingan Belia Kementerian ini akan membantunya mendapatkan pinjaman dari

berbagai-bagai sumber seperti MARA, Bank dan Sekim CGC. Kementerian juga memberi bimbingan dalam hal-hal perniagaan, misalnya cara-cara menyimpan kira-kira (book-keeping) dan pentadbiran perniagaan (business administration).

Ahli Yang Berhormat dari Sepang ada menyentuh tentang betapa perlunya rancangan Belia Peladang anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan diperhebatkan. Seruan ini adalah sejajar dengan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian ini semenjak tahun 1972 bilamana projek Belia Peladang ini dimulakan. Pada masa ini kira-kira 350 projek Belia Peladang di merata negara di Malaysia sedang giat berjalan. Dalam jurusan ini Kerajaan-kerajaan Negeri adalah memberi kerjasama yang penuh dan setakat ini kira-kira \$200,000 telah dibelanjakan oleh Kementerian dalam mempergiatkan rancangan Belia Peladang. Kerjasama yang erat juga diperolehi dari Jabatan Perikanan yang telah mengadakan peruntukan sebanyak berjumlah \$20,000 khusus bagi Projek Perikanan di kalangan belia. Adalah diharapkan rancangan Belia Peladang ini akan terus maju jaya dan dapat menggembeling keinginan dan usaha para belia dalam Pertanian dengan lebih pesat lagi. Inilah satu-satunya projek Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang secara langsung dapat melibatkan dasar Kerajaan kearah memperhebat pertanian, ternakan dan perusahaan "agro-based".

Harus ditegaskan iaitu latihan-latihan dan rancangan-rancangan belia di negara ini adalah dipusatkan kearah "commercialisation" dan "self-sustenance". Kementerian ini tidak lagi menggalakkan projek-projek yang nilai atau hasil keseluruhannya tidak memberi kesan yang positif. Misalnya, kursus jahitan yang dipelajari itu hendaklah akhirnya memberi kepakaran dalam memotong dan menjahit pakaian untuk melibatkan belia itu membuka perniagaannya sendiri.

Berhubung dengan issue dadah dan belia yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Semerah, haruslah ditegaskan iaitu Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memang memandang berat di atas hal ini dan bekerjasama dengan Kementerian Undang-undang dan Peguam Negara melalui Biro Narkotik Kebangsaan dan Jabatan Polis.

Ahli Yang Berhormat dari Semerah ada menyentuh tentang syarat berbahasa Inggeris di kalangan para belia yang dihantar keluar

negeri dalam projek-projek pertukaran belia (Youth Exchange Programmes). Tingkatan bahasa Inggeris yang diperlukan hanya setakat boleh bertutur; ini perlu bagi belia-belie kita supaya mereka dapat bertukar-tukar fikiran dengan belia-belie luar negeri. Dalam hal ini Kementerian tidak menetapkan yang seseorang belia itu mestilah lulus MCE atau School Certificate. Asalkan ia boleh bertutur dalam bahasa Inggeris dalam perbualan maka itu sudah cukup bagi syarat asasnya.

Ahli Yang Berhormat dari Setapak menyentuh tentang pakaian yang dipinjam oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi melengkapkan rombongan-rombongan budaya kita yang keluar negeri. Sebenarnya ini tidak betul. Pakaian-pakaian itu Kementerian sendiri yang melengkapkannya. Kementerian ini juga memberi peluang-peluang kepada orang-orang perseorangan yang berkebolehan dalam lapangan-lapangan seni. Jadi, dalam satu-satu rombongan budaya di bawah anjuran Kementerian ini kita melibatkan bukan saja ahli-ahli budaya Kementerian ini tetapi juga ahli-ahli budaya di luar Kementerian yang berkebolehan—dengan tujuan supaya keseimbangan dicapai.

Di bidang sukan yang mana ahli-ahli Yang Berhormat telah menekankan tentang merosotnya kecapaian kita, Kementerian kebudayaan, Belia dan Sukan sentiasa mengambil perhatian yang berat. Harulah ditegaskan iaitu sukan adalah digiatkan melalui lebih kurang 1,130 badan-badan sukan atau olahraga di negeri ini, Majlis Sukan Negara dan Majlis Olimpik Malaysia adalah bertanggungjawab khusus bagi sukan atau olahraga diperingkat antarabangsa. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memberi kerjasama yang erat kepada badan-badan yang disebutkan tadi. Kementerian adalah memusatkan usaha-usaha yang pesat kepada kemudahan-kemudahan sukan atau olahraga di kampung-kampung baru, kawasan-kawasan luar bandar dan di sempadan-sempadan bagi tahun 1975. Ini adalah bertujuan semata-mata untuk memberi peluang dan kelengkapan sukan atau olahraga kepada penduduk kawasan-kawasan tersebut, khasnya belia-belie yang berminat. Di samping itu Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga akan dapat mencungkil bakat-bakat baru ke arah mengisi kekosongan apabila barisan pasukan kita yang ada mengundur diri dari lapangan sukan atau olahraga. Kementerian

akan terus menjalankan kursus-kursus pegawai, jurulatih dan kaedah-kaedah latihan saintifik bagi kemajuan seluruhnya.

*3.30 ptg.*

**Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam (Datuk Mohamed bin Rahmat):** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam saya suka mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan teguran terhadap badan-badan kerkanun yang dipertanggungjawabkan di bawah Kementerian ini. Segala pandangan dan teguran itu sudah tentu akan memberi panduan dan menafaat kepada Kementerian ini di dalam menjalankan tugasnya dengan sempurna pada masa-masa hadapan menimbangkan ianya baru sahaja ditubuhkan.

Saya merasa sukacita bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat telah memberi sokongan yang penuh terhadap usaha-usaha yang dijalankan oleh perbadanan-perbadanan awam yang ada di dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru. Namun demikian, saya dapati ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang merasa tidak puas hati terhadap beberapa rancangan yang dikendalikan oleh perbadanan-perbadanan yang tertentu dan masalah tindih-menindih atau 'overlapping' yang terdapat di antara perbadanan-perbadanan.

Di sinilah terletak peranan daripada Kementerian ini yang mana antara lain bertujuan untuk mengesan dan menyelaras Perbadanan Awam dari segi dasar, program dan usaha-usaha; memberi panduan dan menilai kesan kegiatan-kegiatan; menentu dan menyelesaikan masalah-masalah yang tersebut di dalam perjalanan perbadanan-perbadanan awam dan masalah yang wujud di antara perbadanan-perbadanan dan mengubah dasar jika dirasakan perlu. Melalui ini kita harap segala masalah dan keraguan yang ada akan dapat diatasi bagi menentukan tugas dan tanggungjawab yang telah diberi kepada perbadanan-perbadanan ini akan terlaksana dengan sempurna dan berjaya sesuai dengan kehendak-kehendak dan matlamat daripada Dasar Ekonomi Baru.

Salah satu keraguan yang telah ditimbulkan ialah mengenai usaha UDA membina bangunan-bangunan atau kompleks perniagaan yang besar-besar di Kuala Lumpur

untuk membolehkan bumiputra mengambil bahagian yang cergas dalam lapangan perniagaan. Ahli Yang Berhormat dari Panti meragukan bumiputra manakah yang akan dapat menduduki atau menggunakan kemudahan-kemudahan yang ada ini? Malahan Ahli Yang Berhormat itu menyatakan bahawa segala projek ini akan hanya dapat menyedapkan mata melihat dan telinga mendengar bagi bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, tidaklah dapat dinafikan bahawa apa yang telah dapat dilakukan oleh UDA setakat ini bagi menyediakan kemudahan-kemudahan yang sempurna di pusat-pusat perniagaan yang maju telah mendatangkan kesan yang baik bukan sahaja dari segi penyusunan semula masyarakat di bandar, malahan juga dari segi menjaya dan memajukan lagi perniagaan bumiputra. Semenjak ditubuhkan UDA telah mengadakan sebanyak 479 tempat perniagaan di seluruh Malaysia dengan harga kira-kira \$10 juta. Bagi Wilayah Persekutuan sebanyak 367 buah tempat telah disediakan dengan harga \$7.6 juta. Kesemua tempat-tempat ini telah pun disewa atau dibeli oleh bumiputra menjalankan perniagaan. Jumlah peniaga bumiputra yang telah ditempatkan di seluruh Malaysia oleh UDA ialah seramai 545 orang dan jumlah bantuan-bantuan yang dibiayai oleh UDA sendiri ialah sebanyak 776. Setakat ini melalui rancangan membantu bumiputra UDA telahpun dapat mewujudkan kira-kira 3,500 pekerjaan.

Akan tetapi apa yang telah dilakukan oleh UDA setakat ini belum lagi mencukupi dari segi mencapai matlamat penyusunan semula masyarakat dan pelaksanaan daripada Dasar Ekonomi Baru. UDA hendaklah memperhebatkan lagi usahanya itu bukan sahaja di Semenanjung Malaysia bahkan di Sabah dan di Sarawak.

Bagi Negeri Sarawak UDA sedang menjalankan satu rancangan perumahan dan kompleks kedai di satu kawasan seluas 250 ekar di Tabuan Jaya sebagai satu usaha joint-venture dengan bumiputra. Perundingan sedang dijalankan berkaitan dengan suatu projek memperluaskan bandar Miri dengan pihak SEDC di Sarawak. Selain daripada itu UDA sedang memproses permohonan pinjaman daripada Hotel Fatimah di Miri. Pihak UDA bersedia untuk menggiatkan usahanya di Sabah dan Sarawak sekiranya

Kerajaan-kerajaan Negeri itu membuat cadangan-cadangan yang tertentu kepada pihak UDA.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi menempatkan bumiputra ke dalam kemudahan-kemudahan yang sedang dirancangkan itu bukanlah merupakan suatu masalah yang sangat meragukan. Segala rancangan yang dibuat oleh UDA baik yang kecil mahupun yang meninggi langit adalah merupakan pemecahan masalah atau mengatasi salah satu daripada asas yang penting yang dialami oleh kaum bumiputra selama ini iaitu ketiadaan tempat yang sesuai lagi sempurna bagi mereka memperluas dan mempermajukan lagi perniagaan mereka.

Menimbangkan pada hari ini telahpun wujud kesedaran yang sangat tinggi di kalangan bumiputra untuk berkecimpung di dalam lapangan perniagaan lebih-lebih lagi di kalangan muda-mudi yang terpelajar yang telah mempelajari asas-asas perniagaan dan memiliki kelulusan-kelulusan iktisas yang tertentu dan ditambah pula dengan kemudahan-kemudahan luas yang disediakan oleh Kerajaan melalui badan-badan yang tertentu baik dari segi modal, bimbingan dan perbekalan, maka masa akan menentukan samada usaha-usaha yang dibuat selama ini akan memberi menafaat atau akan menjadi sia-sia belaka.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada menyediakan tempat kemudahan berniaga, UDA telah juga mengeluarkan pinjaman sebanyak lebih daripada \$3 juta kepada 188 orang bumiputra baik yang perseorangan mahupun syarikat-syarikat. Kedudukan pinjaman ini akan diperbaiki lagi pada masa-masa ke hadapan bagi faedah kaum bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, masalah membantu bumiputra ini tidaklah boleh diibaratkan sebagai melepaskan anjing yang tersepit. Masalah ini adalah masalah negara, masalah yang akan menyentuh kedudukan negara dari segi perpaduan, dari segi keamanannya, kemakmuran dan kemajuannya pada masa-masa akan datang. Oleh itu, masalah ini adalah masalah Kerajaan dan menjadi kewajipan kepada Kerajaan untuk menyempurnakan tugas membantu bumiputra ini demi melindungi kepentingan negara.

Saya suka menegaskan di sini bahawa Kerajaan akan terus membantu bumiputra

di dalam bidang perniagaan dan perdagangan dan akan membuat seberapa yang boleh melalui perbadanan-perbadanan yang ada untuk menjamin kejayaan bumiputra di dalam bidang ini sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru sambil tidak melupakan kepentingan kaum-kaum yang lain di negara ini.

Kepada badan-badan yang telah ditugaskan membantu bumiputra di lapangan ini, saya harap setiap pegawai dan kakitangannya akan dapat berkhidmat dengan sedaya upaya lagi ikhlas dan jujur sesuai dengan tujuan-tujuan yang ada padanya bagi memenuhi hasrat rakyat dan negara. Mereka hendaklah mengelakkan amalan-amalan dan ungkapan-ungkapan yang meragu lagi merugikan dan mereka hendaklah sentiasa mengutarakan kejujuran Kerajaan di dalam hal ini. Kementerian Penyelarasan Perbadanan Awam akan meneliti perjalanan badan-badan ini dan akan mengambil langkah-langkah yang tertentu dari semasa ke semasa bagi mengatasi masalah-masalah yang ada.

Kepada kaum bumiputra saya harap mereka itu akan lebih menerima kenyataan yang ada daripada memelihara perasaan dari tersinggong. Mereka hendaklah mengambil kesempatan yang sepenuhnya dari kemudahan-kemudahan yang ada kerana kejayaan Dasar Ekonomi Baru itu adalah sebahagian besarnya tanggungjawab mereka.

Tuan Yang di-Pertua, masalah perbekalan barang-barang adalah merupakan masalah besar yang lain yang menghambat kemajuan bumiputra dalam perniagaan. Walaupun arahan telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri supaya Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri menjalankan perniagaan barang bagi membekalkan barang-barang kepada peruncit-peruncit bumiputra, maka didapati arahan itu tidak dapat disempurnakan dengan baik oleh setengah-setengah Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri-negeri. Oleh itu, PERNAS melalui Pernas Edar telah diarah mengadakan suatu sekim yang sempurna yang dapat menjamin perbekalan barang-barang yang berterusan dan dengan harga yang berpatutan.

Setakat ini Pernas Edar telah menubuhkan 6 buah depo iaitu di Kuala Lumpur, Alor Star, Butterworth, Melaka, Seremban dan Kota Bharu. Dalam tahun 1976 PERNAS Edar menjangka menubuhkan

sebanyak 30 depo induk dan 15 depo setelit di seluruh negara. Pada keseluruhannya apabila sekim ini berjalan sepenuhnya PERNAS Edar akan membekalkan barang-barang kepada lebih kurang 14,250 orang peruncit-peruncit.

Walaupun ada anggapan bahawa terdapat masaalah tindih-menindih di antara Pernas Edar dengan S.E.D.C. dan badan-badan lain yang menjalankan usaha ini seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus dan Ahli Yang Berhormat dari Kulim Bandar Baru, tujuannya ialah bagi melengkapkan lagi usaha-usaha yang ada dan seberapa banyak badan yang ada menyediakan perbekalan maka akan mudah pula peruncit-peruncit mendapat perbekalan bagi perniagaan mereka. Namun demikian, Pernas Edar telahpun diminta untuk berunding dengan badan-badan lain yang menjalankan usaha yang sama supaya usaha-usaha itu dapat diselaraskan bagi mencapai kesan yang maksima kepada peruncit-peruncit bumiputra.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus juga meragukan keupayaan bumiputra mendapat bekalan dari Pernas Edar oleh kerana adanya sistem "cash and carry" atau beli tunai. Untuk mengatasi masaalah ini dan bagi menjamin bumiputra mendapat faedah langsung melalui sekim ini Pernas Edar telah mengatur rancangan meminjam dari C.G.C. atau "Credit Guarantee Corporation" bagi peruncit-peruncit yang berlanggan dengannya.

Mengenai masaalah pinjaman MARA sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus, saya rasa tidak perlu pada peringkat ini ditubuhkan suatu Jawatankuasa khas bagi mengkaji pinjaman MARA itu. Sebenarnya, Kementerian Penyelarasan Awam ini sedang mengkaji kedudukan pinjaman MARA dengan tujuan memperbaiki lagi pada masa-masa ke hadapan. Akan tetapi, dari segi hendak mengatasi masaalah pinjaman wang yang disediakan oleh berbagai-bagai badan yang ada untuk membantu bumiputra di dalam bidang perdagangan dan perindustrian, maka satu rancangan sedang dibuat mewujudkan suatu "Integrated Loan Scheme" bagi bumiputra dengan tujuan membuka peluang yang lebih meluas lagi kepada bumiputra untuk mendapatkan pinjaman daripada sumber-sumber pinjaman yang baru yang tidak terhad kepada institusi-institusi kewangan di

dalam sektor swasta. Dengan adanya rancangan ini maka segala masalah dan kerumitan yang masih terdapat di kalangan bumiputra untuk mendapatkan pinjaman yang sesuai bagi perniagaan mereka kita harap akan dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Jerlun-Langkawi ada menyebutkan tentang perlunya mengadakan satu konsortium untuk membeli saham-saham yang dikhaskan kepada bumiputra. Suka saya menyatakan di sini bahawa Kerajaan sedang mengambil tindakan untuk mengkaji kemungkinan menubuhkan satu Trust Fund bagi bumiputra untuk membeli saham-saham yang dikhaskan itu. Trust Fund ini akan dikelola oleh satu Lembaga di mana pihak-pihak yang berkaitan akan menjadi ahlinya. Oleh yang demikian, saya percaya Lembaga itu dapat menyelesaikan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan-pandangan mereka kepada bidang tanggungjawab di Kementerian ini di dalam perbahasan Belanjawan ini, dan saya memberi pengakuan bahawa segala pandangan-pandangan yang baik yang telah dikemukakan itu akan kita ambil perhatian dan kita kaji untuk dapat di laksanakan daripada masa ke semasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

3.45 ptg.

**Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat beberapa syor, pandangan dan teguran di atas perjalanan Jabatan-jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Sesungguhnya, diharapkan dengan penerangan dan penjelasan yang saya berikan ini, sebarang kemuskilan, kekeliruan dan rasa tidak puas hati akan dapat dihapuskan atau pun sekurang-kurangnya direngankan.

Pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat itu sudah semestinya mendapat perhatian yang sewajarnya dalam pelaksanaan dasar dan pentadbiran negara pada masa hadapan. Memanglah telah menjadi dasar utama dan hasrat Kerajaan "Action-Oriented" yang diketuai oleh Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri, untuk menjalankan jentera pentadbiran Kerajaan dengan lincin dan efficient serta melaksanakan projek-projek Kerajaan dengan sempurna dan secepat yang boleh dengan minimum red-tape. Saya percaya dan yakin dengan kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat, para Pegawai, Menteri-menteri dan rakyat, hasrat Kerajaan ini dapat kejayaan yang sepatutnya tahun demi tahun, zaman demi zaman demi untuk kepentingan rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang sukalah saya menjawab soalan-soalan berupa politik sebelum saya menjawab Specific Questions yang telah ditimbulkan dalam Dewan yang mulia ini berkenaan perkara-perkara di bawah pengawasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya terlebih dahulu meminta izin Tuan Yang di-Pertua untuk bercakap dalam bahasa Inggeris pada perenggan-perenggan yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta izin menyambut ucapan Ahli Yang Berhormat dari Kanowit sekali lagi kerana Ahli Yang Berhormat itu telah membidas jawapan saya dalam Dewan semasa Perbahasan Belanjawan dan dalam akhbar-akhbar di Kuching, Sarawak.

Ada beberapa hal yang menarik dari ucapannya itu. Menyentuh tentang pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru di Sarawak, beliau mendakwa kononnya: "Kepentingan golongan bumiputra bukan Melayu di Sarawak telah tidak menerima pertimbangan yang secukupnya." Katanya "orang-orang Dayak bersama-sama golongan-golongan lain yang tidak berada mesti diberikan perhatian seperti yang jelas dinyatakan dalam Dasar Ekonomi Baru". Ahli Yang Berhormat dari Kanowit berkata lebih lanjut, "Ketutamaan dalam pelaksanaan pembangunan mestilah ditekankan kepada daerah-daerah luar bandar."

Seperti yang saya katakan dalam Dewan ini semasa Perbahasan Titah Ucapan Di Raja, Dasar Ekonomi Baru tidaklah membedakan antara golongan bumiputra bukan Melayu di satu pihak dan golongan bumiputra Melayu di pihak yang lain. Kerajaan tidak membedakan antara Melayu dengan Iban atau antara Melayu dengan Kadazan. Kepada Kerajaan mereka ini adalah bumiputra belaka. Tidak ada sama sekali terdapat anggapan pada pihak Kerajaan perbezaan golongan bumiputra Melayu dan golongan bumiputra bukan

Melayu. Sungguh mendukacitakan sekali Ahli Yang Berhormat dari Kanowit itu beranggapan bahawa Kerajaan membedakan antara golongan bumiputra Melayu dengan golongan bumiputra yang bukan Melayu.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, the Honourable Member for Kanowit has now not only divided the bumiputras into categories of non-Malay bumiputras and Malay bumiputras, but he has also fragmented the non-Malay bumiputras. The non-Malay bumiputra, according to him is collectively covered by the term "Dayak" which includes the Kayans, the Kenyahs, Land Dayaks, Keiabit, Iban, etc. However, he fails to mention, for reasons best known to himself, the Muruts, the Melanaus, Bisayah, Penans and the Kedayans.

Mr Speaker, Sir, in Sabah, the Malays were once reduced by our erstwhile British masters to the status of a sub-tribe, lumped together under the heading "Natives" which according to the British includes Orang Melayu Brunei, Melayu Sulu, Dusuns, Muruts, etc. The British applied the same policy in Sarawak, dividing the natives in Sarawak under the categories of tribes and sub-tribes. And regretfully the Honourable Member for Kanowit has unquestioningly accepted this pseudo-anthropological categorization of the people of Sarawak. Imagine the confusion, Mr Speaker, Sir, if we were to sub-divide the bumiputras in Peninsular Malaysia into suku-Jawa or Jeno, suku Minangkabau, suku Mendeling, suku Banjar, suku Boyan and suku Arab and subdivide it into Hydramauts Arabs and Egyptian, suku Petani or Suku Rawa, etc. and implement our New Economic Policy on the basis of such definitions on the bumiputras here.

The New Economic Policy in Sarawak has consistently been directed towards the eradication of poverty among the rural people. Sarawak like the whole of Malaysia is in fact rural in character. Our kampungs are but small, isolated enclaves surrounded by vast areas where modern development has lagged behind the big towns and cities. The kampungs in the midst of Kuching and many villages just outside the Kuching Municipality area are rural in character, and economically backward; so too are the coastal areas. The development of Sarawak is no easy task for a government dedicated to the welfare not to a small elitist group in Kuching, Sibü or

Kanowit but of the less fortunate natives and non-natives who constitute the vast majority of the people of Sarawak. If the benefits of modern development are slow to reach the deepest interior of Sarawak, it is neither due to a deliberate policy of the Government nor is it due to a lack of foresight on the part of the Chief Minister of Sarawak or the Central Government. There might be other reasons.

Kalau hanya Ahli Yang Berhormat dari Kanowit tidak memandang sesuatu kesilapan atau kekurangan dari pelaksanaan New Economic Policy di Sarawak dari segi perkauman tetapi memandangnya dari segi yang lebih luas, menerima dasar itu dengan rasa goodwill dan baik sangka, maka Ahli Yang Berhormat dari Kanowit akan dapat memberikan sumbangan yang constructive dan objective dari segi fikiran dan pandangan ke arah penyelesaian masalah-masalah pembangunan di Sarawak.

The Member for Kanowit like some among us today seems to be undergoing a severe identity crisis. Mr Speaker, Sir, one sympathises with such people. They are still undergoing an agonizing reappraisal of attitudes, responses, values and outlooks under the pressures of changing events and issues and their individual grievances and frustrations tend to manifest themselves in communal symbols and images. When this occurs, National Loyalties come under severe strains when individuals fail to see problems in their true perspectives. The identity crisis is not peculiar to individuals like the Honourable Member for Kanowit but equally infects other Members on the Opposition Bench. Mr Speaker, Sir, but these are as much the problems of the individual as they are our problems as a developing nation, comprising diverse ethnic groups of people seeking to weld ourselves into a single-united nation.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap Ahli Yang Berhormat dari Kanowit dapat menjadi juara multi-racialism dalam erti kata yang sebenarnya, menjadi jaguh cita-cita integration golongan bumiputra di Sarawak seperti teman-temanya yang lain yang sekarang membantu Ketua Menteri Sarawak, Datuk Abdul Rahman Yakub, menyatu-padukan berbagai suku kaum di Negeri itu. Kalau Ahli Yang Berhormat dari Kanowit terus

mengambii pendirian mengutamakan kepentingan kaum Iban semata-mata, dilemma yang dihadapinya itu tidak akan dapat diuraikan dan dipecahkan.

Mr Speaker, Sir, the solution to the economic improvement of the bumiputra in Sarawak lies not in championing an exclusive non-Malay bumiputra group comprising as the Honourable Member for Kanowit seems to believe of Bidayuh, Kenyahs, Kelabit and Ibans led by an elitist group of Ibans. This is certainly incorrect and undesirable. Their future, as I have said in this distinguished House earlier, lies in their integration as bumiputras, both Malay and non-Malay, as indeed we are ethnically and culturally one and the same people notwithstanding the fact that we adopt different religious beliefs.

Tuan Yang di-Pertua, hujah-hujah saya mengatakan demikian adalah bukti kebudayaan boleh digunakan sebagai asas untuk melihat kaitan antara orang-orang Dayak dengan orang-orang Melayu. Anasir-anasir kebudayaan adalah seperti cara hidup, kepercayaan, adat-istiadat, antara anasir kebudayaan ini bahasa adalah paling penting sebagaimana pendapat C. F. Pocket dan Ashler dalam *The Human Revolution* yang menyatakan "the essential tool of culture is of course language". Sila dengar sekarang kedua-dua bahasa Melayu dan bahasa-bahasa orang Dayak atau Iban, misalnya, kita akan dapati banyak istilah-istilah yang bukan sahaja sama dari segi penyebutannya tetapi juga dari segi maknanya. Contohnya:

<i>Bahasa Iban</i>	...	...	...	...	<i>Bahasa Melayu</i>
rumah	...	...	...	...	rumah
burung	...	...	...	...	burung
bilik	...	...	...	...	bilik
padi	...	...	...	...	padi
belah	...	...	...	...	belah
enggan	...	...	...	...	enggan
tuai	...	...	...	...	tua
make—(hampir sama loghat Kelantan)	...	...	...	...	makan

Istilah Iban ini dikutip dari karya Derek Freeman in his report on the Ibans, 1959 dan A. J. N. Richard in radio talk in 1957 on the Ibans. Banyak lagi istilah-istilah yang sama dan lebih kurang sama antara bahasa Melayu dan bahasa Iban dan bahasa Dayak

yang lain tetapi memadailah dengan contoh-contoh tadi. Ini, Tuan Yang di-Pertua, jelaslah membuktikan bahasa orang Melayu dan Iban adalah serupa sahaja iaitu bumiputra belaka.

Tuan Yang di-Pertua, separateness and exclusiveness could only expose the Ibans to manipulations by both external and internal forces which seek the destruction of our unity and that of our young nation.

Mr Speaker, Sir, now I would like to reply to the Honourable Member for Menglembu. The Honourable Member for Menglembu has during the course of his speech referred to what he termed as "indifference and lethargy" at the top. Although he has the liberty to say what he deems fit, but I believe he should have been more observant. His very myopic view of things has put his analysis more retrogressive than progressive.

Nobody, I believe, can deny that our bureaucratic system is the best in this part of the world and that the calibre and standing of the members are beyond question. To infer that this is not so is to completely deny the true perspective. But I believe that some of the Honourable Members would like, and do admire, other systems although we know that some of these systems are so oppressive mentally, spiritually and physically that the bureaucratic machinery has been turned to near robot in its perception and action.

Mr Speaker, Sir, we on our part do not want to completely divorce the human elements in any of our machinery of Government. We believe that human dignity should be supreme. That there should be some elements that are not at par with what I have said is only human.

I, therefore, regret very much that the Honourable Member for Menglembu should deem it fit to utter such things in this august Chamber.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan ucapan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Peadawan mengenai Perintah Am, saya ingin menegaskan bahawa sebenarnya Kerajaan telah pun mengambil tindakan dari semasa ke semasa meminda peruntukan-peruntukan dalam Perintah Am supaya sesuai dengan zaman, sesuai dengan kehendak dan kepentingan negara. Tidaklah benar bahawa

pegawai-pegawai Kerajaan sengaja mengabaikan atau melambat-lambatkan pelaksanaan tugas-tugas mereka, kononnya kerana untuk menunjukkan kepentingan or importance kedudukan mereka. Sebaliknya, sebahagian besar atau majority dari mereka adalah bersama-sama dengan Pemimpin-pemimpin Negara bertungkus-lumus melaksanakan dasar-dasar Kerajaan dengan penuh minat dan dedikasi. Di mana kelambatan berlaku, dan ada berlaku, ini adalah kerana perlunya tindakan yang berkaitan diputuskan terlebih dahulu dan dengan teliti untuk menentukan sebarang keputusan yang dibuat tidak akan membangkitkan implikasi-implikasi yang tidak diingini dan berlawanan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Baram antara lain-lain mengesyorkan supaya ditubuhkan satu badan yang betul-betul "independent" untuk membuat penyiasaan terhadap income atau pendapatan Menteri-menteri dan Ahli-ahli Dewan Rakyat. Tetapi beliau juga menghendaki badan itu tidak tertakluk kepada sebarang Akta dalam Perlembagaan atau pun mana-mana undang-undang negara kita ini. Ini nyatalah confusion atau contradiction dalam pemikiran Ahli Yang Berhormat dari Baram ini sendiri kerana dalam keadaan negara demokrasi seperti negara kita ini sesuatu badan mestilah tertakluk kepada undang-undang ataupun peraturan yang mesti diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Mengenai pendapatan Menteri-menteri, Dewan ini telahpun berkali-kali diberitahu oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak lama dahulu bahawa semua Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen dan Setiausaha Politik dikehendaki memberitahu beliau segala harta dan pendapatan mereka. Tetapi Kerajaan berpendapat tidaklah wajar bagi Ahli-ahli Dewan Yang Mulia ini berbuat demikian kerana mereka adalah independent individuals dan tidak mempunyai kuasa executive dalam Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Payang has taken the PSD to task dan mengatakan bahawa "langsung tidak ada apa-apa jawapan" dan Kerajaan Pusat mengenai gaji Jurutringkas di Sarawak. Ini tidaklah benar kerana pada 19-11-73, Jabatan Perkhidmatan Awam ada memberi jawapan menolak cadangan Kerajaan Negeri Sarawak itu. Saya ada salinan surat jawapan dari Pejabat Pengarah Perkhidmatan Awam mengenai perkara yang

dikatakan itu. Penolakan tersebut adalah selaras dengan dasar Kerajaan Persekutuan pada masa ini supaya tidak menimbangkan sebarang perubahan kepada struktur gaji yang telah diperakukan oleh Suruhanjaya Gaji Suffian kecuali di mana terdapat kepincangan (anomaly) yang tertentu.

Namun begitu, berikutan dengan rayuan Kerajaan Negeri Sarawak menerusi suratnya bertarikh 24-12-73, Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengkaji semula cadangan tersebut. Oleh kerana cadangan itu memerlukan satu sekim perkhidmatan digubalkan maka banyak perundingan terpaksa diadakan bukan sahaja di antara bahagian-bahagian yang berkenaan dalam Jabatan Perkhidmatan Awam sendiri tetapi juga dengan Kerajaan Negeri Sabah dengan tujuan supaya satu sekim yang sesuai dan "uniform" serta selaras dengan sekim perkhidmatan yang terdapat di Semenanjung Malaysia dapat digubalkan untuk kedua-dua buah negeri tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sekim Perkhidmatan tersebut telahpun disediakan dan baharu-baharu ini telah dihantar kepada Pegawai Perjawatan Persekutuan di kedua-dua buah negeri itu untuk mendapatkan persetujuan mereka. Sekim itu akan diluluskan sebaik sahaja persetujuan yang dimaksudkan itu diterima oleh Jabatan yang berkenaan. Bagi maksud Belanjawan negeri saya tidak nampak sebarang kesulitan bagi tanggagaji yang ada sekarang digunakan kerana gaji baru apabila diluluskan kelak masih boleh dibayar kepada mereka yang berkenaan tanpa meminda butiran (detail) yang berkenaan dalam anggaran yang akan diluluskan.

4.11 ptg.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Datuk Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid):**

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan Belanjawan yang telah berjalan selama beberapa hari yang lalu beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah juga menyentuh berkenaan beberapa perkara berkaitan dengan Kementerian Pertahanan. Saya ingin menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah meminta supaya gaji anggota-anggota tentera diperbaiki dan dinaikkan lagi. Bagi maklumat Ahli Yang Berhormat itu sekim

gaji baru bagi Angkatan Tentera seperti yang terkandung dalam Lapuran Jawatan-kuasa Tan Sri Sheikh Abdullah telah dilaksanakan mulai 1hb Januari, 1970. Sekim gaji baru ini adalah pada keseluruhannya seimbang dengan sekim gaji dalam perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan yang lain. Jadi, tidaklah benar bahawa gaji Anggota Tentera adalah rendah jika dibandingkan dengan gaji kakitangan Kerajaan yang lain yang mempunyai taraf kelayakan yang sama. Walau bagaimanapun, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat itu atas ingatan baik beliau terhadap Angkatan Tentera.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban menyatakan bahawa perbelanjaan di bidang pertahanan dan keselamatan masih lagi tinggi. Dari segi pertahanan, Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang diminta untuk tahun 1975 adalah untuk memenuhi keperluan-keperluan penting yang dikehendaki oleh Angkatan Tentera. Dalam mengkaji keperluan-keperluan itu Kementerian Pertahanan telah menimbangkan semua aspek dan keadaan. Kementerian saya berpendapat jumlah peruntukan yang diminta itu adalah sangat menasabah memandang kepada keadaan yang terdapat sekarang dan memandang betapa perlunya membuat persiapan untuk menghadapi sebarang ancaman yang mungkin timbul.

Ahli Yang Berhormat dari Ledang telah meminta supaya banyak lagi rumah-rumah dibina untuk perajurit. Perkara ini adalah sentiasa dalam perhatian Kementerian dan projek-projek pembinaan rumah untuk perajurit adalah sentiasa dijalankan. Seperti pernah saya nyatakan di Dewan yang mulia ini pada 11hb November yang lalu, insya Allah, masalah kekurangan rumah ini akan dapat diatasi secara berperingkat-peringkat dari masa ke masa.

Ahli Yang Berhormat dari Jerai telah mencadangkan supaya NAAFI diambil alih oleh syarikat sentiasa dijalankan. Seperti pernah saya nyatakan di Dewan yang mulia ini pada 11hb November yang lalu, insya Allah, masalah kekurangan rumah ini akan dapat diatasi secara berperingkat-peringkat dari masa ke masa.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang dalam ucapannya telah mengesyorkan supaya jumlah kapalterbang dibanyakkan lagi dan

pasukan tentera dibesarkan menjadi 50 batalion. Tuan Yang di-Pertua, soal membesarkan Angkatan Tentera dan membanyakkan kapalterbang adalah perkara yang perlu dipertimbangkan sedalam-dalamnya kerana perkara ini adalah melibatkan wang yang banyak. Kementerian Pertahanan adalah sentiasa mengkaji perkara ini dan jika keadaan memerlukan Angkatan Tentera akan diperbesarkan lagi. Buat masa ini kekuatan yang ada adalah dianggap mencukupi bagi memenuhi keperluan-keperluan yang terdapat dalam keadaan sekarang.

Berkenaan perkara membanyakkan kapalterbang, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat itu Kementerian Pertahanan sudahpun mengambil langkah-langkah yang perlu. Pesanan-pesanan kapalterbang sudahpun dibuat dan insya Allah, dalam masa 2 atau 3 tahun yang akan datang ini, Tentera Udara di-Raja Malaysia sudahpun menerima beberapa jenis kapalterbang untuk memenuhi keperluannya.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas telah mencadangkan supaya Kerajaan membina lebih banyak rumah-rumah kelamin untuk anggota tentera dan mengkaji semula tanggajaji anggota tentera. Kedua-dua perkara ini telah saya jawab tadi.

Beliau juga mengesyorkan supaya Kerajaan menyediakan asrama untuk anak-anak anggota tentera dan juga supaya Kerajaan memberi kerja kepada bekas perajurit. Berkenaan asrama untuk anak-anak anggota tentera Kerajaan sudahpun mengambil tindakan. Di Kem Terendak sudahpun ada sebuah asrama seperti itu. Rancangan juga sudah disediakan dengan kerjasama Kementerian Pelajaran untuk membina asrama-asrama seperti itu di Ipoh dan di Kuantan buat peringkat pertama dan peringkat selanjutnya di Alor Setar dan Johor Bahru jika ada keperluan dan sambutan yang baik dari pihak anggota-anggota pasukan keselamatan.

Berkenaan dengan cadangan memberi pekerjaan kepada bekas-bekas perajurit, Kerajaan akan menimbangkan permohonan-permohonan dari bekas-bekas perajurit yang mempunyai kelayakan yang dikehendaki sesuai dengan peraturan-peraturan yang berkuatkuasa.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi

syor dan pandangan atas perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Pertahanan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Mesyuarat ditempohkan selama 20 minit.

*Persidangan ditempohkan pada pukul 4.20 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 4.43 petang.*

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan* (Mesyuarat)

4.43 ptg.

**Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad):** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini bagi pihak Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat untuk menjawab beberapa teguran dan cadangan-cadangan yang ditujukan kepada Kementerian ini.

Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan cadangan-cadangan yang membina. Semua cadangan-cadangan itu akan ditimbang dengan teliti oleh Kementerian ini.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menyentuh perkara mengenai kemelesetan ekonomi dan akibatnya ke atas pekerjaan. Kerajaan adalah mempunyai kesedaran penuh akan kemelesetan ekonomi di seluruh dunia dan sedar akan kemungkinan akibat-akibatnya ke atas ekonomi Malaysia terutama sekali ke atas kedudukan pekerjaan di negeri ini. Oleh yang demikian, Kerajaan telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa di antara Kementerian untuk mengikuti secara dekat akan suasana ekonomi ini dan tekanan-tekanannya ke atas pekerjaan dengan tujuan untuk merangka satu dasar bagi mengelakkan tekanan-tekanan itu dan mengurangkan akibat-akibat buruk yang mungkin berlaku ke atas pekerjaan dan kaum pekerja dan juga pengeluaran di negara ini.

Di dalam Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat kami sedang menjalankan perundingan dengan Majlis Persatuan Majikan-majikan Malaysia dan juga Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia untuk menghasilkan satu tatasusila Amalan Perindustrian mengenai cara-cara dan langkah-langkah mengenai pembuangan kerja dan lain-lain masaalah.

Antara lain-lain yang akan dicatatkan di dalam tatasusila ini ialah untuk menentukan bahawa tiap-tiap pembuangan kerja, jika keadaan memaksa, hendaklah dibuat dengan sekurang-kurangnya dijalankan dengan secara adil dan saksama. Ini adalah selaras dengan cadangan yang dikemukakan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini.

Seorang Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini telah mencadangkan supaya ditubuhkan suatu jabatan di dalam Jabatan Perdana Menteri untuk mengulangkaji kedudukan pekerjaan dari semasa ke semasa dan menyelaraskan dengan Kementerian-kementerian lain untuk menghadapi masaalah ini secara lebih berkesan.

Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, kami merasakan adalah tidak perlu kerana Unit Perancang Ekonomi ini di bawah Jabatan Perdana Menteri adalah bertanggungjawab atas soal ini. Dalam perkara ini seorang Ahli Yang Berhormat telah menekankan betapa mustahaknya didirikan kilang-kilang yang menggunakan tenaga buruh yang banyak. Dalam hal ini Kerajaan talahpun menjalankan dasar ini dan sebenarnya Kerajaan talahpun menggalakkan pendirian beberapa kilang yang menggunakan lebih banyak tenaga buruh.

Tuan Yang di-Pertua, seorang Ahli Yang Berhormat iaitu Ahli Yang Berhormat dari Seremban telah menyatakan keraguan mengenai ketegasan perkhidmatan pekerjaan di negara kita. Sebenarnya perkhidmatan mencari pekerjaan yang terletak di bawah Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat ini adalah berjalan dengan memuaskan. Seperti terdapat di dalam rekod-rekod pencarian kerjanya yang berjumlah lebih daripada 35,000 di dalam sepuluh bulan yang akhir di dalam tahun ini. Angka ini menunjukkan kelebihan dalam masa yang sama pada tahun 1973 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat juga telah mencadangkan untuk diadakan satu tabung pembayaran bagi penganggur. Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat talahpun memberi penjelasan di dalam soalan ini dalam masa Soal Jawab pada 20hb November, 1974 yang lalu. Ada beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan soal gaji minima. Sukalah ditegaskan di sini bahawa adalah menjadi dasar Kerajaan pada masa ini tidak akan mengadakan anggaran gaji minima itu.

Akan sampai masanya apabila ekonomi kita telah berjalan dengan baik dan kedudukan ini telah setabil maka pada masa itu bolehlah kita timbangkan cadangan-cadangan seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai tekanan ekonomi terutama sekali mengenai kemungkinan pengangguran di dalam pekerjaan di negara kita ini, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat sentiasa memerhatikan masalah ini dan sentiasa mengambil langkah-langkah yang segera untuk mencegah perkara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kinta telah membuat kenyataan secara menyeluruh, beliau menyatakan bahawa Undang-undang Buruh kita sekarang ini banyak yang tidak memberi faedah kepada pekerja-pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, Undang-undang Buruh bukanlah bertujuan 'anti-buruh' atau sebagainya, sebagai mana pernah saya sebutkan di dalam Dewan ini juga semasa membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dahulu bahawa tiap-tiap buah negara mestilah mempunyai Undang-undang Perburuhan yang sesuai dengan kemahuan untuk memelihara pekerja-pekerja dan juga pemodal-pemodal di dalam negara itu. Tidak ada pun satu negara di dalam dunia ini yang barangkali mempunyai Undang-undang Perburuhan yang memuaskan sepenuh hati pekerja-pekerja di dalam negaranya. Walau bagaimanapun, sekiranya ada apa-apa syarat yang perlu diperbaiki di dalam Undang-undang Perburuhan kita, maka Kerajaan sentiasa memerhatikan terutamanya jika usul-usul itu seperti datangnya daripada pihak pemimpin-pemimpin Kesatuan Buruh dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, satu teguran telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong mengenai kedudukan Mahkamah Perusahaan dan perkara ini telah disentuh juga pada masa yang lalu di mana seorang Pengerusi di dalam Mahkamah Perusahaan itu akan memegang satu jawatan sebagai Pegawai Kerja Persatuan Majikan-majikan. Kementerian ini sukaiah menegaskan bahawa waktu melantik Pengerusi itu Kementerian ini tidaklah menduga bahawa perkara itu akan jadi begitu, sebab siapa pun tidak boleh mengetahui apa perkara yang akan berlaku pada masa hadapan. Walau bagaimanapun, mengenai kedudukan Pengerusi Mahkamah Perusahaan yang dimaksudkan di dalam ucapan-

nya itu yang telah memberi notisnya untuk meletakkan jawatannya di dalam Mahkamah Perusahaan, Kementerian Buruh sekarang ini sedang memerhatikan untuk mencadangkan seorang yang sesuai dan layak bagi menjaga kepentingan kedua-dua pihak majikan dan pekerja untuk duduk di dalam Mahkamah Perusahaan ini.

Selain daripada itu telah dibangkitkan juga oleh Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru mengenai masalah apa yang dikatakan pembuangan seorang pegawai Melayu di Swedish Motor, Shah Alam. Sukacita saya menerangkan bahawa Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat sedang menyiasat dengan cergasnya akan masalah ini, tindakan-tindakan akan diambil untuk memastikan bahawa tiada diskriminasi, tiada penindasan berlaku bukan sahaja di Swedish Motor itu tetapi juga di dalam kilang-kilang perusahaan yang lain untuk menentukan bahawa perusahaan-perusahaan kita sentiasa berjalan dalam suasana damai dan tenang, dan patutlah juga saya sebutkan di sini bahawa mengenai krisis di dalam Swedish Motor ini, pihak Kementerian sedang mengadakan beberapa rundingan dengan pihak-pihak yang bersangkutan untuk mencari penyelesaian yang damai atas masalah-masalah yang sedang dipertikaikan itu. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat mengetahui dan telah membaca dalam akhbar-akhbar bahawa pertikaian itu semata-mata boleh dilihat daripada sudut tindakan perusahaan semata-mata, tetapi haruslah ditinjau daripada sudut-sudut yang lain. Walau bagaimanapun, sukacita saya menerangkan di sini bahawa Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat sentiasa akan bertindak apabila sahaja laporan-laporan yang jelas diberikan untuk menghuraikan apa jua masalah yang tidak menyenangkan kaum pekerja samada masalah itu berupa diskriminasi atau eksploitasi dan sebagainya. Tetapi walau bagaimanapun, pengadu-pengadu itu hendaklah membuat aduan-aduannya dengan memberikan aduan-aduan yang cukup dengan butir-butir untuk membolehkan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat ini menyiasat secara mendalam akan masalah ini.

4.54 *ptg.*

**Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam (Datuk Hussein bin Datuk Onn):** Tuan Yang di-Pertua, sebagai orang baru dalam dunia kewangan dan ekonomi, saya telah menjalani satu ujian besar dalam

masa beberapa hari yang lepas setelah saya mengumumkan Belanjawan Negara Tahun 1975. Saya bersyukur kerana telah dapat menjalani ujian itu dengan penuh tabah sambil mempelajari beberapa pengalaman yang timbul daripadanya. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah bercakap khususnya mereka yang menyokong Belanjawan Negara itu dan begitu juga saya mengucapkan terima kasih di atas pandangan, teguran serta juga hujah yang telah dibuat oleh pihak-pihak Pembangkang mengenai soal ekonomi dan Belanjawan Negara kita ini. Oleh sebab perkara yang telah dibangkitkan itu mengandungi perkara dasar dan juga perkara yang biasa, saya hanya membataskan ucapan menggulung Belanjawan ini kepada soal-soal dasar kerana sebahagian daripada perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun dijawab oleh Timbalan Menteri Kewangan petang semalam.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangatlah sedar bahawa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah mengenai kepentingan negara dan mempunyai kaitan yang rapat dengan kedudukan ekonomi pada jangka pendek dan juga pada jangka panjang. Saya juga sedar bahawa apa pun Belanjawan yang dikemukakan oleh Kerajaan sekalipun tidak membebankan, tetapi pada setengah kaca mata yang sentiasa mengkritik Kerajaan tentulah tidak dapat mempersetujui langkah-langkah yang dibuat oleh Kerajaan itu terutama dalam zaman stagflasi ini. Bagaimana pun, sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab kita tentulah menitikberatkan segala hal rakyat dan apa juga teguran yang difikirkan membina akan diambil perhatian, ingatan dan tindakan. Dengan semangat inilah saya akan menggulung perbincangan ini, yang telah memakan masa begitu lama dan saya harap pandangan selanjutnya akan dapat dikemukakan dalam masa Rang Undang-undang Perbekalan dan Usul Pembangunan dibincangkan dalam Jawatankuasa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menggulung perbincangan ini, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, it is gratifying to note that the 1975 Budget is generally well received and Honourable Members made many constructive suggestions which the Government will consider

seriously. I would like to thank the Honourable Members for their support during this difficult time. As usual, some Honourable Members of the Opposition are never satisfied with anything—and I see, Tuan Yang di-Pertua, that none of them is in their place this afternoon. For example, the Honourable Member for Kepong, in his desperation, made the usual allegation that the Budget had been designed for the rich. Yet, in the same speech, he stated that the Government's programme to open up half a million acres of land for agriculture was admirable. I would like to suggest to the Honourable Member that he maintains some consistency in his speech.

In view of the present world economic condition it is quite understandable that Honourable Members are concerned over the twin problems of recession and inflation in this country. Honourable Members of the Opposition are quick to take advantage of the situation and paint an unduly gloomy picture of the Malaysian economy and conveniently put the blame on the Government.

The Honourable Member for Kepong, for example, made some sweeping statements on economic growth in 1975 and the rate of inflation presumably based on inadequate information and data. To put the matter straight, the forecast of the GNP growth rate of about 5% in real terms for 1975 is not unrealistic considering the export performance, growth in private investment and the role of the Budget. Though world recession will certainly have an adverse impact on our exports, especially rubber, total exports are not expected to decline substantially. This is attributable to the expected big increase in the export earning from petroleum and the relatively favourable outlook for tin and palm oil.

The expected increase in private investment of about 4% is not a figure taken out of a hat. The Government does not rely on hunches as the Honourable Member for Kepong had implied. To quote a few specific examples, the import of machinery and equipment rose by 98% during the first nine months of this year compared to the corresponding period last year. During the same period, FIDA had approved a total of 374 new projects with a proposed called up capital of 543 million ringgit. Such spill-over of private investment decisions taken in 1974 will be felt in 1975.

Tuan Yang di-Pertua, the problem of inflation is well recognised by Honourable Members and the Government is indeed concerned over the recent increase in the prices of sugar, flour, milk powder and bread. However, Honourable Members of the Opposition are being over-pessimistic over the rate of inflation. As I have stated in my Budget speech, the annual rate of increase in the Consumer Price Index is estimated at about 18% this year. The annual rate of increase in the Consumer Price Index in October, 1974 has further declined to 14.2% which means that the average annual rate of inflation for the first 10 months of this year was 18.5%. Even if the annual rate of inflation for the next two months would be about 17% each, that is, after allowing for some absolute increases in the Consumer Price Index for November and December, the estimated average rate of inflation can still be contained at about 18% for the whole year. Tuan Yang di-Pertua, I note with regret that the Honourable Member for Kepong should be so irresponsible as to suggest that the Government had to "cook up" the figures so as to present a favourable picture. With the expected slow down in the rate of inflation in the major industrialised countries and the slower expansion in domestic money supply expected for 1975, it is reasonable to anticipate a slower rate of inflation next year though the absolute price level may continue to increase.

Some Honourable Members alleged that the 1975 Budget was inadequate to counter recession and to combat inflation and put forward some impractical proposals which if taken seriously, would add further pressure on prices. In the allocation of financial resources for development to the various sectors of the economy according to the priorities as set out in the Economic Report, the Government has taken cognizance of such factors as the implementation capacity, the supply shortages, the distribution among regions, the need to generate employment and productivity, etc. The Government at present is formulating a list of reserve projects which could be implemented in 1975 if necessary to replace existing projects which are relatively of lower priority.

Tuan Yang di-Pertua, the subject of public debt has been covered in the Economic Report. Nevertheless, I would like to briefly

touch on this matter as some Honourable Members have raised the issue. Although the Government is concerned over the public debt situation, debt servicing is mainly for loans raised from domestic financial institutions which is largely recycled for Government investments. Only a small proportion goes to servicing foreign debts. Considering the performance of the Malaysian economy and the level of our external reserves, Malaysia's international credit standing is very good indeed. I am happy to inform Honourable Members that the International Monetary Fund and the World Bank share this view. Therefore, the Government has the capacity to borrow more funds from both domestic and foreign sources to finance productive development projects.

Some Honourable Members proposed a further relaxation of credit while others suggested the interest rates be raised to encourage savings. To combat stagflation, the present monetary policy must be maintained. However, the Government will watch the monetary situation very closely and take appropriate action in good time.

Tuan Yang di-Pertua, on the question of gold parity raised by one Honourable Member, I would like to inform him that gold was formerly the officially accepted criterion for expressing the value of a country's currency. But it is now replaced by Special Drawing Rights (SDR) whose value is determined by a basket of 16 of the world's major currencies. As of November 15 this year, the exchange rate of the Malaysian ringgit is 1 SDR equals to 2.76 Malaysian ringgit. The maintenance of the exchange rate of the Malaysian ringgit in terms of SDR depends on the relative movements of the Malaysian ringgit against currencies which entered into the calculation of the value of SDR. As at November 15 this year, the Malaysian ringgit appreciated by about 18% when measured against the currencies of Malaysia's major trading partners.

On the question of retrenchment of workers and wages, regarding which Honourable Members have made many suggestions, I would like to inform the House that the Government has in fact set up a Special Committee to look into these problems and the proposals put forward by Honourable Members will be considered.

Tuan Yang di-Pertua, the Government is fully aware that income is unevenly distributed in this country. The Economic Report includes a chapter on this problem and Honourable Members of the Opposition have done nothing more than to repeat what has already been stated. To bridge the income gap between the haves and the have-nots, the Second Malaysia Plan objectives and priorities have been reviewed and given a new direction in the form of the New Economic Policy.

Tuan Yang di-Pertua, yesterday, the Minister of Primary Industries announced the measures that the Government would be taking with regard to the rubber industry. One set of measures involved a crash programme to alleviate the problems created by the transient decline of the natural rubber prices, and another set involved long-term international measures to stabilise the natural rubber prices. The crash programme is absolutely imperative and urgent to alleviate the suffering especially of the rubber smallholders in the rural areas. These measures are integrated in nature and are designed to dovetail into the long-term International Buffer Stock arrangements. These measures, while appearing simple, represent revolutionary concept of great significance and repercussion nationally and internationally. The imposition of these measures, therefore, conveys the gravity and the short and long-term significance of the Government's intention, confidence and action in respect of natural rubber. Thus, the Government expects the willing co-operation and leadership of all sectors of the rubber industry in this crucial national endeavour. The estates sector must play its part, the remillers, packers and exporters must also play their part, so must the workers and their unions. The smallholders too must play their part and co-operate fully with the Government. Let no one, group or sector, underestimate the Government's intention to enforce these measures seriously and firmly. Subversive and anti-national elements in the country have exploited enough this issue and the problems of inflation. They must cease these exploitations forthwith which, if tolerated unchecked, will undoubtedly create and lead to the breakdown of law and order, chaos, violence and even racial strife.

Tuan Yang di-Pertua, some Honourable Members expressed concern over the effects of investment. I would like to inform them that the Foreign Investment Committee and the Foreign Exchange Control Regulations will regulate foreign investment in this country to avoid any adverse effects.

Tuan Yang di-Pertua, I am happy to note that all the major tax measures for the 1975 Budget have the support of this House including Honourable Members of the Opposition.

The Honourable Member for Kepong welcomed the Excess Profit Tax but had some major reservations. He questioned why the tax should be introduced in the form proposed and he felt it would have been much simpler to raise company tax by 5% which could yield much larger revenue and could be collected more easily. I am indeed surprised at the Honourable Member's statement because it appears that he has not fully understood the intention of introducing this Excessive Profit Tax. As the name itself suggests, this tax is intended to apply to excess profits as an anti-inflationary measure. If the company tax is increased to 45%, as suggested by the Honourable Member, it would apply to all companies whether or not they make excess profits, which is not the intention of introducing the tax, as I have mentioned earlier. Moreover, as I have explained in my Budget Speech, in order to make the tax more effective, no credit will be given to shareholders of resident companies in respect of the Excess Profit Tax paid by the companies. If the tax takes the form of an increase in the company tax rate, then such an increase will qualify for a tax credit on the dividends received by the shareholders.

The Honourable Member has also queried about the possibility of the exemption limit being lowered to \$100,000 or 25% of the shareholder's funds, whichever is the lesser in the case of companies and below \$75,000 in the case of individuals. The reason why the exemption limit is fixed at 25% of the shareholders' funds or \$200,000 whichever is the higher, and not on whichever is the lesser, is to ensure that resident companies are not worse off compared to non-resident companies from the point of view of the exemption limit. For example, a company has shareholders' funds amounting to \$500,000 and 25% of this amount is \$125,000. Now, if the lesser of the two factors is used, the exemption limit

will then be \$125,000 since this is less than \$200,000. But in the case of a non-resident company, the exemption limit applicable is \$200,000 which is higher than \$125,000. Surely, we do not want to treat resident companies less favourably tax-wise than non-resident companies. This problem will arise even if we reduce the fixed amount so long as we use the principle of the lesser of the two factors. Further, if the principle of the lesser of the two factors is adopted, it will result in a company being liable to the tax even though the profit it makes may not be excess profit in terms of return on shareholders' funds. Such a treatment will be against the spirit of the Excess Profit Tax.

To illustrate this point let us assume that the shareholders' funds of a company are \$2 million, 25% of this amount is \$500,000. In this case the exemption limit will be \$200,000 since this is lower than \$500,000. Now, suppose the company makes a profit of \$250,000, then this represents only 12½% of the shareholders' funds. With regard to the fixed exemption limit for companies, this amount has been determined with reference to the \$75,000 exemption limit fixed for individuals, taking into consideration the fact that a company is generally formed by two or more individuals.

It should be appreciated that it is difficult to design a new tax with perfection which can take care of all problems. Some of these problems cannot be foreseen at this stage or new problems may arise out of varying circumstances. I need hardly say, therefore, that the Government will review the Tax from time to time in the light of its operation and effectiveness.

Tuan Yang di-Pertua, several Honourable Members from Sabah and Sarawak are unhappy about the withdrawal of the 10% income tax abatement at this time on the ground that the cost of living is higher in these States compared to that in Peninsular Malaysia. As I have stated in my Budget speech, the tax-payers in Sabah and Sarawak have enjoyed this favourable tax treatment for more than 10 years now. To retain this concession on the ground that the cost of living is higher in one region, is a difficult principle to maintain because within Peninsular Malaysia itself the costs of living vary from one place to another.

Tuan Yang di-Pertua, the proposed limitation of bonus to a maximum of two-twelfths the wages or salary paid by an employer to an employee as a deductible expense for the purpose of income tax has caused some concern to some Honourable Members, particularly the Honourable Members for Kota Melaka and Seremban, who argued that the limitation would discourage employers from paying more than two months' bonuses, thereby reducing income for the employees. This measure, as I have explained in my Budget speech, is designed to avoid loss of revenue to Government by way of income tax on excessive bonus payments. In any event, this does not prevent an employer from paying more than two months' bonuses if he is in a position to do so.

Finally, Tuan Yang di-Pertua, several Honourable Members spoke against the increase of \$10 in the road tax for motor-cycles. As I have explained in my Budget speech, this tax has not been revised since 1959 and that the increase is made as a revenue measure. The increase of \$10 is not really a heavy tax burden to be borne by the owners of motor-cycles and scooters.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang Perbekalan, 1975 dibacakan kali yang kedua.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$2,406,598,777 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1975, dan bagi maksud kepala dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Kepala Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1975 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 22 tahun 1974, adalah diumumkan di bawah Kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan pecahan-pecahan kepala itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.

## USUL

**PENANGGUHAN MESYUARAT**

**Datuk Abdullah Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis ini ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari Isnin, 2hb Disember, 1974.

**Tuan Mokhtar bin Haji Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis ini ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari Isnin, 2hb Disember, 1974.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari Isnin, 2hb Disember, 1974.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.*